



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

ISNIN, 29 JANUARI 2024

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

29/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	NANCY SHUKRI: MORE THAN 700 STUDENTS IN SANTUBONG RECEIVE 'BACK TO SCHOOL' ASSISTANCE	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/01/28/nancy-shukri-more-than-700-students-in-santubong-receive-back-to-school-assistance/115089	MALAYMAIL.COM
	https://www.tvsarawak.my/2024/01/28/sumbangan-kelengkapan-persekolahan-bantu-ringankan-beban-ibu-bapa/	TVSARAWAK.MY
	https://thesun.my/local_news/more-than-700-students-in-santubong-receive-back-to-school-assistance-1A12037719	THESUN.MY
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2266376	BERNAMA.COM
	https://bernama.com/en/general/news.php?id=2266383	BERNAMA.COM
	https://dayakdaily.com/700-murid-murid-kawasan-santubong-terima-bantuan-persekolahan-nancy/	DAYAKDAILY.COM
	https://thesun.my/cerita/berita/lebih-700-pelajar-b40-parlimen-santubong-terima-bantuan-program-kembali-ke-sekolah-BA12037565	THESUN.MY
	https://www.newsarawaktribune.com.my/over-700-benefit-from-back-to-school-programme/	NEWSARAWAKTRIBUNE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
2	JKM KESAN AHLI KELUARGA LAIN MANGSA ROGOL, PUKUL BAPA SENDIRI	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jkm-kesan-ahli-keluarga-lain-mangsa-rogol-pukul-bapa-sendiri-455868	ASTROAWANI.COM
	https://www.kosmo.com.my/2024/01/28/jkm-kesan-ahli-keluarga-remaja-mangsa-rogol-pukul-bapa-kandung/	KOSMO.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/01/jkm-kesan-ahli-keluarga-remaja-diperkosa-pukul-bapa/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/646679/berita/semasa/jkm-kesan-ahli-keluarga-mangsa-rogol-pukul	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/01/1205802/suspek-noda-belasah-anak-disambung-reman	BHARIAN.COM.MY



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

29/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
3	JALAN UTAMA KAMPUNG SALAK AKAN DINAIK TARAF	
	https://suarasarawak.my/jalan-utama-kampung-salak-akan-dinaik-taraf/	SUARASARAWAK.MY
	https://www.newsarawaktribune.com.my/rm400000-road-upgrade-for-kampung-salak/	NEWSARAWAKTRIBUNE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
4	BEKAS ATLET PARALIMPIK TERHARU PEROLEH RUMAH PPR	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1055059/bekas-atlet-paralimpik-terharu-peroleh-rumah-ppr	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
5	PERLUNYA PINDAAN PERUNDANGAN ELAK DERA, ABAI WARGA EMAS	
	https://malaysiagazette.com/2024/01/28/perlunya-pindaan-perundangan-elak-dera-abai-warga-emas/	MALAYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
6	ADA KESAN KECEDERAAN LAMA DAN BARU	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1055028/ada-kesan-kecederaan-lama-dan-baru	HMETRO.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/646664/berita/semasa/polis-masih-siasat-motif-kanak-kanak-maut-didera	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/01/motif-bayi-maut-didera-masih-disiasat-kp-selangor/	UTUSAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm


29/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
7	KANAK-KANAK OKU RAIH PERHATIAN DI RERUAI DINOLAND	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1055147/kanak-kanak-oku-raih-perhatian-di-reruai-dinoland	HMETRO.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/01/1205848/kanak-kanak-oku-curi-tumpuan-di-reruai-dinoland	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	KEPRIHATINAN KUMPULAN AIMAN MALL TERHADAP KANAK-KANAK KURANG BERNASIB BAIK PATUT DICONTOHI: MINOS	
	https://www.utusanborneo.com.my/2024/01/28/keprihatinan-kumpulan-aiman-mall-terhadap-kanak-kanak-kurang-bernasib-baik-patut	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
9	VIDEO LUCAH TEMPATAN MENERUSI 'DARK SIDE' SERENDAH RM35	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/01/1205833/video-lucah-tempatan-menerusi-dark-side-serendah-rm35	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
10	MURID SK SRI AMAN SERTAI PROGRAM KEMPEN HENTIKAN BULI, GANGGUAN SEKSUAL	
	https://www.utusanborneo.com.my/2024/01/28/murid-sk-sri-aman-sertai-program-kempen-hentikan-buli-gangguan-seksual	UTUSANBORNEO.COM.MY



Nancy Shukri: More than 700 students in Santubong receive 'Back To School' assistance



Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri poses for a picture with students during the 'Back to School' programme in Sekolah Kebangsaan Salak in Kuching January 28, 2024. — Bernama pic

Sunday, 28 Jan 2024 9:32 PM MYT

KUCHING, Jan 28 — Over 700 students from lower-income families (B40) in the Santubong parliamentary constituency received 'Back To School' assistance to ease the burden of their parents in providing for their school supplies.

Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri said the school equipment assistance programme has involved 21 selected schools in her parliamentary constituency.

"Most of the donations are from the Rotary Club of Kuching Central, Yayasan Kebajikan Negera, Yayasan Sime Darby and Pekema," she said after the 'Back to School' programme in Sekolah Kebangsaan Salak here today.

In other developments, she said through a project under the Rural Transformation Programme (RTP), a total of RM400,000 has been allocated for the construction of a concrete road for the residents of Kampung Salak which is located on an island.

A Bernama survey found that although it is necessary to take a boat about five minutes from the Sungai Loba Pelait jetty, Kampung Salak is where the majority of fishermen live and have basic facilities such as electricity, water supply and telecommunications. — Bernama



JKM kesan ahli keluarga lain mangsa rogol, pukul bapa sendiri

Sinar Harian

Januari 28, 2024 17:55 MYT



Mangsa masih dirawat di Hospital Tuanku Ampuan Najihah (HTAN) di Kuala Pilah. - Gambar hiasan

REMAU: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sedang mengesan ahli keluarga yang lain bagi mangsa rogol dan pukul bapa kandung di Kendong dekat sini.

Pengarah JKM Negeri Sembilan, Rosnah Sardi berkata, tindakan itu bagi menentukan kesesuaian penempatan remaja perempuan berusia 17 tahun itu selepas ini.


"Bagaimanapun perancangan JKM ialah jika tiada ahli keluarga yang mampu menjaganya, kanak-kanak itu akan ditempatkan di institusi JKM bagi tujuan perlindungan dan penjagaan.

"Selain itu, JKM akan menyusul dengan sesi kaunseling bagi membantu kanak-kanak tersebut mengatasi trauma yang dihadapi dan kami juga akan memastikan kanak-kanak ini menyambung persekolahan walau di mana penempatan beliau kelak," katanya pada Ahad.

Dalam pada itu, Rosnah berkata, mangsa kini masih dirawat di Hospital Tuanku Ampuan Najihah (HTAN) di Kuala Pilah dan dilaporkan berada dalam keadaan baik setakat ini.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Rembau, Deputy Superintenden Hazri Mohamad berkata, reman suspek yang tamat semalam kini dilanjutkan selama lima hari sehingga 1 Februari ini bagi membantu siasatan.

Pada 24 Januari lalu, media melaporkan seorang remaja perempuan dipukul teruk oleh bapanya menggunakan pelbagai objek sehingga mengalami kecederaan dan dibawa ke Hospital Tampin. - [Sinar Harian](#)



Jalan utama Kampung Salak akan dinaik taraf

📍 Siti Nurain Ratani 📍 SARAWAK, UTAMA 📅 28 Januari 2024



Nancy ketika ditemui pemberita selepas merasmikan program Back To School di SK Salak di sini, hari ini.

KUCHING: Masalah penduduk Kampung Salak di sini yang terpaksa menggunakan 'jalan papan' sebagai jalan utama akan dibantu apabila Kerajaan Sarawak bersetuju untuk menaik taraf jalan berkenaan.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) merangkap Ahli Parlimen Santubong Datuk Seri Nancy Shukri berkata, kerja-kerja naik taraf itu akan menelan kos kira-kira RM400,000 di bawah projek transformasi luar bandar (RTP).

"Seperti yang kita lihat jalan di sini menggunakan kayu atau papan, oleh itu, kami akan menaik tarafnya kepada jalan bersimen untuk jalan utama di kawasan itu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media selepas merasmikan program Back To School di SK Salak di sini, hari ini.

Justeru, beliau memuji program sebegini (Program Back To School) kerana ia dapat memberi peluang kepadanya untuk melawat sekolah di kawasan itu.

"Ini kali pertama saya ke SK Salak dan saya gembira dapat ke sini dan melihat persekitarannya.

"Melalui lawatan ini juga, kami dapat tahu apakah penambahbaikan lain yang penduduk di sini perlukan supaya kami boleh membantu mereka," katanya.

Bagi program di SK Salak ini, Nancy mendedahkan sebanyak 81 pelajar di sekolah rendah ini dibantu.

Sehubungan itu katanya, setakat ini lebih 700 pelajar sekolah rendah di bawah kawasan parlimen Santubong menerima kelengkapan peralatan persekolahan pada Program 'Back To School'.



Bekas atlet paralimpik terharu peroleh rumah PPR

Siti Rohana Idris
am@hmetro.com.my



Bekas atlet para dalam acara 'powerlifting', Sharifah dan suaminya, Kamaruddin di hadapan rumah baharu mereka. FOTO Siti Rohana Idris

Tanah Merah: Impian bekas atlet paralimpik untuk memiliki kediaman sendiri akhirnya menjadi kenyataan selepas ditawarkan rumah di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) Batang Merbau, di sini.

Sharifah Raudzah Syed Akil, 51, bekas atlet *powerlifting* yang beberapa kali mewakili negara termasuk ke Sukan Sea, bersara lima tahun lalu dan menyara kehidupan dengan kecil-kecilan di gerai di hadapan rumah.

Sebelum ini dia dan suami, Mohd Kamaruddin Ibrahim, 54, tinggal di rumah yang didirikan di atas tanah orang lain.

"Saya dan suami berniaga makanan ringan sahaja dan pendapatan yang diperoleh tidak seberapa dan sekadar cukup makan dan pakai kami tiga beranak serta bapa mentua yang tinggal bersama.

"Sebelum ini saya pernah membuat permohonan mendapatkan rumah beberapa tahun lalu tapi tiada sebarang maklum balas sehinggalah saya dihubungi wakil Yayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan (Yakeb) pada 2019 yang bertanyakan keperluan saya.

"Saya menyuarkan hasrat untuk memiliki rumah sendiri tetapi tidak memiliki tanah sendiri, menyebabkan pihak Yakeb membuat permohonan untuk rumah PPR.


"Selepas lebih dua tahun menunggu, saya sangat bersyukur menerima khabar gembira yang permohonan diterima dan menerima kunci rumah baru-baru ini," katanya ketika ditemui di kediaman itu.

Dia yang lumpuh dari paras pinggang ke bawah kerana penyakit polio sejak berusia dua tahun berkata, tidak menyangka impiannya yang dianggap mustahil akhirnya tercapai.

"Jika tanpa bantuan Yakeb, kami pasti tinggal di rumah sewa kerana rumah asal mungkin diroboh disebabkan pemilik tanah mahu mengambilnya semula.

"Alhamdulillah, selepas sedikit baik pulih yang dilakukan nanti, kami berempat akan segera mendiami rumah baharu ini," katanya yang turut menerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bersama suami, masing-masing RM450 seorang.

Terdahulu mereka menerima kunjungan Pengerusi YAKEB, Datuk Noorul Ariffin Abdul Majeed yang bertanya khabar dan meninjau keadaan rumah baharu yang akan dihuni pasangan OKU itu.



Perlunya pindaan perundangan elak dera, abai warga emas

Oleh **Rencana** - 28 January 2024



Gambar hiasan

Oleh: **Dr. Siti Aisyah Samudin**

DASAR Kebajikan Masyarakat Negara yang mula digubal pada tahun 1990 meletakkan warga emas sebagai salah satu kumpulan sasaran yang diberi tumpuan penting ekoran daripada peningkatan masalah sosial melibatkan kumpulan tersebut, termasuklah penganiayaan dan pengabaian terhadap orang tua. Masalah sosial seperti ini pastinya mengganggu kesejahteraan negara sekali gus meninggalkan impak negatif.

Dalam matlamat pembangunan mampan ketiga, kerajaan menggariskan beberapa perkara berkenaan kesihatan dan kesejahteraan bagi memastikan kehidupan yang sihat untuk semua lapisan umur. Islam juga merujuk masalah sosial yang berlaku dalam kalangan masyarakat dengan istilah yang khusus, *fasad fi al-ardh wa yafiku al-dima'* iaitu kerosakan dan pertumpahan darah di muka bumi. Lantaran itu, Dasar Kebajikan Masyarakat Negara ini digubal bagi mewujudkan suatu keadilan sosial dalam masyarakat di Malaysia, termasuklah dalam kalangan warga emas.

Di Malaysia, laporan terbaharu yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mencatatkan peningkatan sebanyak 20 peratus kes penderaan dan pengabaian ibu bapa oleh ahli keluarga sendiri. Kajian menunjukkan 1 daripada 100 orang warga emas di Malaysia pernah ditipu dalam soal kewangan. Penipuan ini dilakukan oleh ahli keluarga sendiri atau yang melibatkan sindiket. Golongan ini sering menjadi sasaran berikutan mereka dianggap rentan dan tidak lagi berdaya untuk melawan. Bahkan, dengan perkembangan teknologi yang semakin pesat membuatkan mereka lebih banyak ketinggalan dan kurang pengetahuan tentang sindiket penipuan yang berleluasa.

Sehingga artikel ini ditulis, masih belum wujud apa-apa pindaan peruntukan undang-undang khusus terkait warga emas. Turut dilaporkan bahawa pada 2019, satu rang undang-undang warga emas dicadangkan untuk dibentangkan di parlimen pada awal tahun 2021. Pun begitu, usaha awal Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) menyatakan bahawa satu rang undang-undang warga emas akan dicadangkan bagi dibentangkan di Parlimen nampaknya belum berjaya dilaksanakan.

Dari aspek hak warga emas, masih belum ada undang-undang khusus yang dipinda bagi maksud ini sebagaimana Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611). Peruntukan undang-undang yang ada bersifat umum ke atas semua lapisan masyarakat tanpa memberi perlindungan khas ke atas warga emas. Sebagai contoh, perkara 5 sehingga 13 Perlembagaan Persekutuan menyentuh tentang aspek kebebasan diri, kesamarataan undang-undang dan sebagainya secara umum; tanpa menyebut secara khusus kepada golongan warga emas.

Aspek perundangan amat penting bagi memastikan penguatkuasaan dalam membanteras kes penderaan dan pengabaian ini dapat dilakukan dengan sistematik. Namun begitu, sejauh manakah perundangan sedia ada dapat memastikan perlindungan warga emas di Malaysia dijamin? Cadangan kerajaan untuk memperkenalkan akta khusus bagi melindungi kebajikan warga emas amat tepat pada masanya memandangkan jumlah mereka yang semakin bertambah saban tahun. Hal ini adalah ekoran kes penderaan dan pengabaian warga emas yang semakin meningkat dan masih terdapat banyak lagi kes yang tidak dilaporkan. Selain untuk menjamin kebajikan warga emas di negara kita, langkah ini juga adalah sesuai sebagai satu persediaan Malaysia menjadi negara tua menjelang tahun 2035.

Bagi tujuan ini, Malaysia boleh mengambil pendekatan untuk menggubal Akta Warga Emas sepertimana Akta Kanak-Kanak 2001 yang khusus kepada kanak-kanak dibuat. Hal ini adalah penting untuk mengawal kes penderaan dan pengabaian warga emas pada masa hadapan. Satu cadangan agar Malaysia menetapkan had umur warga emas yang khusus di dalam undang-undang turut boleh dilakukan, oleh kerana tiada penetapan dan kesepakatan tentang berapa had umur warga emas itu sama ada di Malaysia mahu pun di luar negara. Sebagai contoh, negara maju meletakkan had umur warga emas ialah 65 tahun dan ke atas memandangkan kehidupan warga emas mereka pada usia tersebut masih sihat dan bertenaga.

Di samping itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Kebajikan dan Masyarakat mengkategorikan warga emas kepada tua muda, tua-tua dan paling tua-tua. Kategori ini dibuat bagi memudahkan pendekatan aktiviti sesuai dengan lapisan usia yang berbeza. Manakala Dasar Warga Emas Negara pula meletakkan umur 60 tahun dan ke atas sebagai kategori warga emas. Oleh itu, langkah untuk meletakkan penetapan kepada had usia warga emas ini mungkin boleh dibuat sebagai permulaan kepada hari yang cerah dan bagi memudahkan pelbagai urusan berkaitan warga emas di Malaysia pada masa hadapan. Kerajaan juga boleh mengambil pendekatan untuk menyediakan pelbagai insentif kewangan bagi majikan yang menggaji atau mengekalkan pekerja berusia dan memberi latihan kepada mereka. Langkah ini merupakan satu perkara yang boleh dilaksanakan memandangkan warga emas pada masa kini masih ramai yang sihat dan boleh menyumbang tenaga dan buah fikiran kepada pembangunan negara. Hal ini juga mungkin boleh membantu dalam perkembangan program keselamatan sosial di negara kita kerana kajian menunjukkan pendapatan persaraan bagi kebanyakan warga emas adalah tidak mencukupi. Ditambah pula dengan keadaan Malaysia yang sedang menghadapi inflasi, sudah pasti program keselamatan sosial sebegini dilihat lebih komprehensif untuk diteruskan dan dibangunkan.

Warga emas berhadapan dengan fasa kehidupan yang paling mencabar kerana mereka mengalami perubahan dari segi fizikal, emosi dan mental. Oleh kerana itu, Islam melarang melakukan perbuatan kasar dengan golongan warga emas dan mereka hendaklah dihormati memandangkan perasaan mereka terusik pada peringkat ini. Islam memuliakan setiap umatnya termasuk warga emas. Oleh itu, Islam menyediakan mekanisme perlindungan kepada warga emas sebagai salah satu cara untuk membantu golongan warga emas meneruskan kehidupan harian di hujung usia mereka.

Hal ini kerana umum mengetahui bahawa seseorang yang telah mencapai usia tua, sudah tidak mampu bekerja kerana mempunyai kekurangan dari sudut fizikal dan akal fikiran. Sekiranya mereka tidak dibantu dari segi makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal ini sudah pasti ia akan menjejaskan tahap kualiti hidup dan kesihatan mereka. Oleh itu, penyediaan mekanisme-mekanisme ini adalah untuk memastikan kemaslahatan setiap umatnya terjaga dan kemudaratan dapat dihindarkan.



Penulis merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya



Ada kesan kecederaan lama dan baru

Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@hmetro.com.my



Petaling Jaya: Polis masih menyiasat motif bayi didera sehingga maut oleh ibu bapa saudaranya di di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang, di sini, Rabu lalu.

Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan berkata, suspek masih direman dan siasatan masih dijalankan.

"Hasil bedah siasat juga mendapati terdapat kesan kecederaan lama dan baru," katanya kepada Harian Metro hari ini.

Harian Metro sebelum ini melaporkan [bayi lelaki maut dipercayai didera](#) suami isteri yang juga ibu bapa saudaranya di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang, di sini.

Mangsa yang berusia 18 bulan itu dikatakan tidak sedarkan diri di kediaman terbabit sebelum dibawa ke Hospital Shah Alam oleh bapa saudaranya berusia 20-an.

Bagaimanapun, mangsa disahkan meninggal dunia ketika rawatan dan hasil pemeriksaan serta bedah siasat mendapati terdapat kesan kecederaan dipercayai akibat didera dan kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan dan Akta Kanak-Kanak 2001.

Disiarkan pada: Januari 28, 2024 @ 12:35pm



Kanak-kanak OKU raih perhatian di reruai Dinoland

Asrizal Aris

asrizal.aris@metro.com.my



Kuching: Seorang pengunjung cilik istimewa yang mengunjungi Reruai Dinoland kendalian The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad (NSTP) di Karnival Jom Heboh (KJH) Segulai Sejalai Sarawak, di sini menarik perhatian ramai.

Firash Syazwan Wan Seruji, 8, yang cacat penglihatan bukan hanya dapat mengingati lebih 100 watak dinosaur daripada YouTube 'All Dinosaur Showcase', bahkan mampu meneka jenis hidupan itu dengan hanya menyentuh badannya sahaja.

Ia sekali gus membuatkan urus setia reruai dan pengunjung kagum dengan anugerah yang dimiliki kanak-kanak orang kurang upaya (OKU) itu.

Katanya, anaknya buta sepenuhnya sejak berusia empat bulan selepas mengalami masalah saraf mata, yang memerlukan dia menjalani rawatan sekali setahun.

"Firash mula minat dinosour sejak berusia lima tahun dan saya juga terkejut kerana dalam masa tidak sampai setahun dia mampu menghafal nama-nama dinosour yang diminatinya.

"Selain itu, Firash juga memiliki kebolehan menghafal ayat-ayat lazim dalam al-Quran selain terpilih memimpin bacaan doa perhimpunan di sekolah.

"Firash juga berkebolehan menaiki basikal dan bermain keyboard meskipun matanya tidak nampak," katanya ketika ditemui di reruai NSTP.

Berkongsi pengalamannya ketika membawa Firash mengunjungi KJH, waniat itu berkata, pada mulanya anak itu tidak selesa disebabkan cuaca panas, namun selepas mendengar bunyi ngauman dinosour, dia menjadi sangat teruja dan minta dibawa 'bertemu' dinosour.

Sharifah Sadiyah berkata, anaknya itu bertambah teruja selepas mengetahui terdapat lebih 10 dinosour robotik yang dipamerkan dalam reruai NSTP yang mendapat sambutan di setiap penganjuran KJH.


"Kalau berkunjung ke pameran dinosour, dia akan duduk lama-lama sebab nak pegang dan dengar bunyi, malah perkara pertama yang akan dia tanya, adakah terdapat dinosour nama Ophthalmosaurus kerana itu haiwan kegemarannya," katanya.

Karnival Jom Heboh yang kembali ke Sarawak selepas 11 tahun, dianjurkan dengan kerjasama erat kerajaan negeri, bertepatan semangat kebersamaan dan perpaduan kukuh rakyat negeri itu.

Disiarkan pada: Januari 28, 2024 @ 4:55pm



Firash Syazwan Wan Seruji yang juga kanak-kanak OKU cacat penglihatan boleh meneka jenis dinosour hanya dengan menyentuh badan replika haiwan purba itu sahaja.
FOTO ASRIZAL ARIS



Keprihatinan Kumpulan Aiman Mall terhadap kanak-kanak kurang bernasib baik patut dicontohi: Minos

© 2024-01-28T11:36:25+08:00



Minos (tengah) menyampaikan ucapan ringkas pada Majlis Sambutan Tahun Baru Cina Kumpulan Aiman bersama kanak-kanak Salvation Army Kota Samarahan.

KUCHING: Kumpulan Aiman Mall dipuji atas keprihatinan terhadap kanak-kanak kurang bernasib baik dari Salvation Army, Kota Samarahan.

Sempena perayaan Tahun Baharu Cina yang akang datang, Kumpulan Aiman memberi angpau kepada kanak-kanak dari pertubuhan amal itu dalam satu majlis makan malam.

Pengerusi Majlis Perbandaran Kota Samarahan (MPKS) Dato Peter Minos hadir pada majlis itu yang berlangsung di Aiman Mall, Samarahan, malam Jumaat.


"Sekiranya kita semua bermurah hati dan memberi bantuan kepada mereka yang memerlukan dan mereka yang tidak bernasib baik, dunia akan menjadi tempat yang lebih bahagia dan lebih menyenangkan untuk didiami," kata Minos.

"Kumpulan Aiman menunjukkan budaya yang baik dan patut dicontohi oleh semua orang di Samarahan," ujarnya lagi.

Kata Minos lagi inisiatif amal seperti ini bukan sahaja digalakkan pada Tahun Baharu Cina tetapi juga perayaan lain seperti Hari Raya dan Gawai.

Ini secara langsung katanya dapat menyerikan kanak-kanak yang kurang bernasib baik seperti di Salvation Army semasa perayaan.

Minos juga percaya usaha murni ini akan diingati oleh kanak-kanak kurang bernasib baik ini dan mereka mungkin akan berbuat sama pada masa akan datang.



Video lucah tempatan menerusi 'Dark Side' serendah RM35

Mohd Jamil Anbia Md Dennis dan Muhammad Saifi Hassan - Januari 28, 2022 @ 4:16pm
am@metro.com.my



Penerbitan pornografi Made In Malaysia seolah-olah cuba meniru idea pembikinan dan pemasaran industri JAV.

KUALA LUMPUR: Ibarat kerjaya atau profesion baharu di negara ini apabila segelintir warga tempatan memilih berkecimpung dalam industri pembikinan video seks untuk meraih keuntungan mudah.

Golongan ini yang mula berjaya dengan penerbitan pornografi. Made In Malaysia seolah-olah cuba meniru idea pembikinan dan pemasaran industri JAV atau Japan Adults Video.

Bagaimanapun rata-rata mereka dikesan menjadikan platform media sosial untuk menarik pelanggan selain memasarkan video lucah bukan dalam format cakera padat digital (DVD).

Tanpa bantuan kru produksi, studio atau alatan khusus, mereka dikesan hanya memertukan telefon pintar untuk merakam sendiri perbuatan liuk itu sebelum diedarkan kepada 'deminat' yang sanouqu membayar. Tinjauan wartawan di laman sosial Telegram dan X Twitter mendapati ramai kalangan wanita muda tempatan dikesan terjun ke dunia 'filem panas' ini semata-mata untuk mendapatkan wang mudah.

Risikannya mendapati kegiatan ini yang turut dimonopoli golongan pelacur bebas atau freelance prostitutes dihasilkan dalam format video berdurasi kurang 10 minit untuk memudahkan ia dilayari.

Salah seorang pelanggan yang hanya mahu dikenali sebagai Amin, 20-an berkata, terdapat ramai wanita tempatan tanpa segeni sili menawarkan video lelang melalui *private account* di laman Twitter dengan bayaran serendah RM35.

"Mereka ini mengiklankan video pendek seks bagi menarik perhatian ramai sebelum meminta individu berminat menghantar DM (direct message) untuk berurus niaga.

"Mereka bisnes 2 dalam 1. Mereka menjadi pelacur bebas dengan menetapkan lokasi, kadar bayaran dan tarikh tertentu bagi bertemu pelanggan yang berminat untuk melakukan hubungan seks.

"Dalam masa sama, mereka turut mengembangkan 'perniagaan' dengan menghasilkan video seks dilakukan sendiri untuk dijual kepada tontonan awam," katanya.

Menurutnya, pendedahan berhubung aktiviti gigolo tempatan yang menjual rakaman video seks di medium laman sosial minggu lalu bukanlah sesuatu yang mengejutkan.

"Kami sudah tahu kewujudan addya" (gigolo) yang menawarkan video lucah itu sekian lama. Malah jika pemantauan dilakukan di laman dark side, lebih banyak lagi individu sama sepertinya boleh ditemui.

"Bagaimanapun selepas gigolo Malaysia itu diberkas polis, ramai penshor video seks tempatan bertindak segera memadamkan video seks masing-masing di laman sosial.

"Ramai kecut perut dan 'berhat seketika' dari aktiviti ini. Akaun media sosial masing-masing 'senyap' dan sekadar diisi gambar-gambar biasa," katanya.

Menurutnya, dia yakin individu tempatan yang menjual video seks ini boleh mendapat keuntungan sehingga puluhan ribu ringgit bagi setiap video dipasarkan berikutan ia dilanggan ribuan warga tempatan.

Sementara itu fasilitator dan penganalisis Jenayah di Malaysia, Kamal Affandi Hashim berkata, pembongkaran berhubung kian ramai individu tempatan yang menghasilkan video lucah membuktikan rasa malu kian terkakis.

"Apa yang mengusarkan saya jika aktiviti ini dinormalisasikan seperti di Jepun hinggalah 6,000 remaja perempuan kajian sekolah menjadi pelakon lucah kerana tawaran yang cukup lumayan.

"Menerusi kajian senarai kolum The Japan Times, Brian Ashcraft, bidang pornografi sebagai kerjaya hanya akan meningkatkan kes jenayah, makisat dan keresakan sistem sosial masyarakat," katanya.

Bellau berkata, walaupun ia dianggap sumber pendapatan namun perbuatan itu jelas beranggah dengan adab, adat, budaya malah undang-undang sesuatu negara.

"Dalam keadaan tertentu, seseorang yang bertindak sedemikian bukanlah bagi tujuan menampung cost of living (kos kehidupan) tetapi demi memenuhi gaya hidup mewah.

"Kes sebegini menjadi buaian warga maya dan rata-rata mereka sudah mula meluahkan risauan berikutan medium digunakan suspek untuk melakukan aktiviti melampau itu adalah melalui aplikasi media sosial," katanya.

Pada 18 Januari lalu, seorang lelaki tempatan diberkas polis selepas dikesan menjalankan aktiviti menjual video lucahnya melakukan hubungan seks dengan lebih 20 wanita dari kalangan pelbagai bangsa, menerusi laman sosial.

Suspek berusia 31 tahun itu ditahan oleh Bahagian Siasatan Jenayah Maksiat, Judi dan Kongsi Gelap (D7), Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman di sebuah rumah di Kampung Janda Baik, Bentong, Pahang.

Suspek dikesan mempromosikan aktiviti seks dirinya sendiri yang dirakam dan dijual untuk tontonan di platform Telegram.

Modus operandi yang digunakan adalah dengan mengajak pelanggan melanggan menerusi pautan promosi yang diklankan dalam aplikasi Telegram oleh suspek sebelum usulan pembayaran dipersetujui.

"Selepas pembayaran dibuat, suspek akan menghantar pautan kepada pelanggan untuk terus menonton video lucah yang dilakonkan dan dirakam suspek sendiri.

"Siasatan juga mendapati suspek mempunyai 2,051 pelanggan untuk pakej 200 video dengan bayaran RM100 dan 622 pelanggan untuk pakej RM200 sebulan bagi 13 video.

Elise ketagih jual video perbadi

PENAMPILAN luaran Elise, 25, kelihatan sama seperti kebanyakan gadis lain yang mempunyai kerjaya, gemar pada fesyen dan kerap bersosial bersama rakan-rakan sebaya.

Namun siapa menyangka dia memiliki sisi gelap lain apabila berdepan 'ketagihan' menjual video perbadi dengan pakej bermula RM100 hingga RM250 untuk 10 video.

Gadis itu yang berjaya dihubungi wartawan Harian Metro berkata, dia mula terjebak dengan kegiatan itu sejak menyambung pengajian di sebuah institusi pengajian tinggi.

"Ada dalam kalangan rakan-rakan yang 'mengajar' berhubung komuniti dark side.

"Pada peringkat awal, saya jual (video) untuk suka-suka, dapat duit poket, boleh belanja dan enjoy namun lama kelamaan saya jadi 'ketagih' apabila lelaki kerap memuji bentuk tubuh saya.

"Fasa berikutnya, saya merakam video bogel tanpa menunjukkan muka. Selepas itu, saya rakam video ketika beramah dengan teman lelaki.

"Bagi video 'bersama' teman lelaki itu, saya boleh dapat duit langganan mencecah RM2,500 hingga RM3,000 setiap bulan dengan menghasilkan video berbeza-beza," katanya kepada Metro Ahad, semalam.

Elise berkata, dia turut membuka 'lot servis' kepada pelanggan yang sudah dikenali.

"Kini komuniti dark side sedang dalam perhatian masyarakat umum, pastinya pihak berkuasa juga sedang memantau," katanya.

Sementara itu Sally, 32, berkata, dia terjebak dalam komuniti makisat itu berikutan kecewa dengan hubungan intim bersama suaminya.

"Saya hanya menjual gambar dan video bogel saja di peringkat awal, saya tak buat servis (perkhidmatan pelacuran) untuk orang luar.

"Bila orang puji badan saya cantik, puji aset saya, saya jadi ghairah. Pada masa sama, saya dapat duit hasil langganan gambar.

"Untuk 10 gambar bogel, saya letakkan harga RM100, setiap hari gambar berbeza," katanya.

Sementara itu tinjauan wartawan di laman dark side mendapati bermodalkan RM200 hingga RM2,500, seorang lelaki hidup belag boleh 'meniduri' gadis, wanita berusia atau jolokan 'NILF' sehingga kepada 'steril' orang.

Lelaki berminat boleh memilih untuk melepaskan 'giani' dengan wanita terabait bermula dengan tempoh satu jam dengan bayaran paling minimum RM200 sehingga kepada pakej 'bermain' atau overnight yang mampu mencecah ribuan ringgit.

Kegiatan komuniti dark side di dalam laman sosial ternyata digunakan individu tertentu untuk memperolehi wang mudah hingga sanggup menggadaikan maruah.

Sisi gelap dunia laman sosial itu juga tidak terhenti dengan komuniti dark side saja sebaliknya wujud dalam kalangan mereka yang mempunyai keinginan nafsu seks sesama jantina.

Kerjasama banteras pelacuran moden

JIHAD memerangi kandungan makisat. Itu langkah agresif perlu dilakukan agensi berkaitan dalam memberantas penuliran aktiviti makisat serta pelacuran moden.

Penasihat Perastuan Pengguna Siber Malaysia (MCCA) Datuk Ahmad Noordin Ismail berkata, agensi berkaitan seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) perlu bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) serta Jabatan Agama Islam Negeri (Jain).

"Dalam isu ini, kita perlu melihat daripada sudut pandang lebih besar iaitu kerjasama antara SKMM, Jakim, Jain dan agensi lain termasuk polis bagi memberantas 'pelacuran moden' ini.

"Kini, aktiviti pelacuran tidak hanya dikawal oleh bapa ayam sahaja, tetapi ramai wanita melakukan kegiatan itu secara freelance (FL).

"Kalau dilihat dalam kandungan media sosial khususnya platform X (dahulunya Twitter), terdapat banyak kandungan yang tidak ditapis. Jika hanya sekadar menyekat akaun tidak menyelesaikan masalah," katanya.

Untuk itu, Ahmad Noordin berkata, perlunya kerjasama merentasi agensi serta badan penguatkuasaan untuk memberantas elemen baharu dalam pelacuran ini.

PDRM sentiasa pantau aktiviti di media sosial

BUKAN lagi kes terpelici berikutan kegiatan menjual video lucah made in Malaysia semakin gilaik dihasilkan warga tempatan ketika ini.

Perkara itu turut diakui Ketua Penolong Pengarah (KPP) Bahagian Pencegahan Jenayah Maksiat, Judi dan Kongsi Gelap (D7) Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman Senior Asisten Komisioner Mohamad Farouk Eshak susulan siasatan dilakukan pihaknya di media sosial.


Bellau berkata, polis sentiasa membuat pemantauan terhadap aktiviti penjualan video lucah di laman media sosial.

Menurutnya, malah polis juga berharap orang awam yang mempunyai maklumat dan mengetahui berkaitan kegiatan ini turut tampil membantu polis dalam memberantas kegiatan seperti ini.

"Tema Polis dan Masyarakat Berbasis Tiada Itu amat berketepatan dalam menyampaikan maklumat kepada kita seterusnya dapat memantau dan mengambil tindakan yang berkesan.

"Kita perlukan lebih ramai orang ramai berkolaborasi maklumat kerana dengan adanya maklumat itu akan terus dapat membuat pemantauan dan tindakan berkesan dapat diambil," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Bellau berkata, dalam kes lelaki yang ditahan di Janda Baik, Pahang baru-baru ini kerana menjual video lucahnya, ia adalah hasil maklumat daripada orang awam dan akhirnya membawa kepada penangkapannya.



Murid SK Sri Aman sertai program Kempen Hentikan Buli, Gangguan Seksual

© 2024-01-28T14:47:45+08:00



Zaifa menyampaikan ceramah Hentikan Buli dan Gangguan Seksual pada program itu semalam.

SRI AMAN: Seramai 100 murid Sekolah Kebangsaan (SK) Sri Aman menyertai program Kempen Hentikan Buli dan Gangguan Seksual di Dewan Inspirasi Lestari di sini, semalam.

Kempen itu adalah untuk memberi pendedahan kepada murid tentang perbuatan membuli dan gangguan seksual adalah satu jenayah.

Selain itu, murid turut diberi pendedahan cara mengelak daripada dibuli serta gangguan seksual serta mengambil langkah berjaga-jaga terlibat kedua-dua kes jenayah tersebut.

Dalam pada itu, Pegawai Pendidikan Kesihatan Unit Promosi Kesihatan, Pejabat Kesihatan Bahagian Sri Aman Zaifa Johari menyampaikan ceramah Kempen Hentikan Buli dan Gangguan Seksual.



TAJUK : 'IMPIAN MUSTAHIL MUNCUL REALITI'

HARI : ISNIN

TARIKH : 29 JAN 2024

STONE : POSITIF

AKHBAR : HARIAN METRO

M/SURAT : 07

SEKTOR : KPWKM

YAKEB BANTU BEKAS ATLET DAPAT RUMAH

'Impian mustahil muncul realiti'

Tanah Merah: Impian bekas atlet paralimpik memiliki kediaman menjadi kenyataan selepas ditawarkan rumah di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) Batang Merbau, di sini.

Sharifah Raudzah Syed Akil, 51, bekas atlet *powerlifting* yang beberapa kali mewakili negara termasuk ke Sukan Sea, bersara lima tahun lalu dan menyara kehidupan dengan berniaga di gerai di depan rumah.

Sebelum ini dia dan suami, Mohd Kamaruddin Ibrahim, 54, tinggal di rumah didirikan di atas tanah orang lain.

"Kami berniaga makanan ringan dan pendapatan diperolehi tidak seberapa dan sekadar cukup makan kami tiga beranak serta bapa

mentua yang tinggal bersama.

"Sebelum ini saya pernah memohon rumah beberapa tahun lalu, tapi tiada maklum balas sehingga saya dihubungi wakil Yayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan (Yakeb) pada 2019 yang bertanyakan keperluan saya.

"Saya menyuarakan hasrat memiliki rumah, tetapi tidak memiliki tanah menyebabkan Yakeb membuat permohonan rumah PPR.

"Selepas lebih dua tahun menunggu, saya bersyukur menerima khabar gembira permohonan kami diterima dan dapat kunci rumah baru-baru ini," katanya.

Dia yang lumpuh dari paras pinggang ke bawah kerana penyakit polio sejak berusia dua tahun berkata,

tidak menyangka impian yang dianggap mustahil tercapai.


"Jika tanpa bantuan Yakeb, kami pasti tinggal di rumah sewa kerana rumah asal mungkin dirobuhkan kerana pemilik tanah mahu mengambilnya semula.

"Alhamdulillah, selepas sedikit baik pulih, kami berempat segera mendiami rumah baharu ini," katanya yang turut menerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bersama suami, masing-masing RM450 seorang.

Terdahulu mereka menerima kunjungan Pengerusi Yakeb, Datuk Noorul Ariffin Abdul Majeed yang bertanya khabar dan meninjau keadaan rumah baharu di huni pasangan OKU itu.

NOORUL Ariffin (kanan) ketika mengunjungi Sharifah Raudzah dan suaminya di rumah baharu mereka.





TAJUK : BANYAK KESAN BAHARU, LAMA DI TUBUH BAYI

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 29 JAN 2024

M/SURAT : 21

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

KES BAYI MAUT DIDERA

Banyak kesan baharu, lama di tubuh bayi

Petaling Jaya: Polis masih menyiasat motif seorang bayi lelaki menjadi mangsa dera sehingga maut oleh ibu bapa saudaranya di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang, di sini, Rabu lalu.

Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan berkata, suspek masih direman dan siasatan sedang dijalankan termasuk mengenal pasti motif mangsa didera.

“Hasil bedah siasat juga mendapati terdapat kesan kecederaan lama dan baru (pada bayi lelaki berkenaan),” katanya kepada Harian Metro.

Harian Metro sebelum ini melaporkan mangsa maut dipercayai didera suami isteri yang juga ibu bapa saudaranya di PPR Lembah Subang, di sini.

Mangsa yang berusia 18 bulan dikatakan tidak



Hasil bedah siasat juga mendapati terdapat kesan kecederaan lama dan baru (pada bayi lelaki berkenaan)”

Hussein Omar Khan

sedarkan diri di kediaman terbabit sebelum dibawa ke Hospital Shah Alam oleh bapa saudaranya berusia 20-an.

Bagaimanapun, mangsa disahkan meninggal dunia ketika rawatan dan pemeriksaan serta bedah siasat mendapati terdapat kesan kecederaan dipercayai akibat didera.

Kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksan dan Akta Kanak-Kanak 2001.



TAJUK : REMAN BAPA DISAMBUNG LAGI LIMA HARI

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 29 JAN 2024

M/SURAT : 21

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

LELAKI BELASAH ANAK DEDAH PERBUATAN NODA

Reman bapa disambung lagi lima hari

Rembau: Suspek yang disyaki membelasah anak kandungnya hingga mendapat 12 jahitan di kepala pada 23 Januari lalu, disambung reman selama lima hari lagi.

Ketua Polis Daerah Rembau, Deputy Superintendan Hazri Mohamad berkata, pihaknya masih memerlukan masa untuk menjalankan siasatan lanjut terhadap suspek sebelum kertas siasatan diserahkan kepada pendakwa raya untuk tindakan lanjut.

"Reman sudah tamat semalam dan hari ini kami memohon perintah reman dilanjutkan di Mahkamah Majistret Jenayah di Seremban sebelum dibenarkan reman selama lima hari lagi.

"Ia bermula hari ini hingga 1 Februari depan supaya siasatan lanjut dapat dijalankan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Hazri berkata, pihaknya juga sudah membawa remaja berkenaan ke lokasi kejadian di sebuah rumah,


di sini, pada Jumaat lalu bagi melengkapkan siasatan.

"Ketika ini mangsa masih mendapatkan rawatan di Hospital Tuanku Ampuan Najihah (HTAN) dan berada di bawah perlindungan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Mangsa masih dalam keadaan trauma. Hasil temu bual dengan doktor yang merawatnya mendapati dia dirogol bapanya pada November tahun lalu, selain pemeriksaan mendapati terdapat koyakan lama pada hymen," katanya.

Media sebelum ini melaporkan, seorang remaja perempuan berusia 17 tahun terpaksa dikejarkan ke hospital selepas parah dibelasah bapanya kerana membongkar rahsia dia dirogol suspek.

Suspek dikatakan melakukan perbuatan itu ketika hanya mangsa dan suspek berada di rumah berkenaan, malah mengugut supaya tidak mencepitkan kejadian kepada sesiapa.



TAJUK : MEN ALSO AT RISK OF SEXUAL HARASSMENT

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE SUN DAILY

TARIKH : 29 JAN 2024

M/SURAT : 03

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

BY SIVANISVARRY MORHAN
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: While the Anti-Sexual Harassment Act 2022 was implemented with women in mind, the All Women's Action Society (Awam) said men should not be overlooked as they too are potential victims.

Its programme officer Dhivyasri said: "While conversations surrounding sexual harassment commonly focus on women, it's essential to recognise that men are also potential victims of unwanted advances, inappropriate behaviour or coercion."

Women, Family, and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri said more men have come forward to lodge reports about sexual harassment.

"Of the 762 cases reported from July 6 to Oct 2 last year, men made 187 reports while the rest were from women. This shows that sexual harassment is a growing problem for men as well."

Of the cases reported by men, 24 were in 2020, 60 in 2021 and 61 last year. While the statistics reveal a higher percentage of reports from women, Dhivyasri said it only goes to show that such harassment is a major problem for both genders and has become a major concern.

"It is increasingly clear that the impact of sexual harassment calls for immediate attention and a shared dedication to addressing the issue and its harmful effects on the victims.

"Addressing sexual harassment requires a broader understanding and acknowledgement of the different ways in which individuals of both genders can be impacted. We should foster an environment in which everyone feels safe and supported when complaining about being a victim, instead of looking at victims as the ones who probably caused it."

She said the experiences of men facing sexual harassment can be complex and challenging.

"Men are almost always overlooked in this issue because of traditional gender norms, in which they are seen as strong, resilient and expected to be flattered and unaffected by sexual harassment.

"But the truth is men are embarrassed to talk about being sexually harassed and this leads to under-reporting as they do not wish to be perceived as weak and have their masculinity questioned. The stigma surrounding male victims can create barriers to disclosure."

While legal protections exist, Dhivyasri said its effectiveness is subject to challenges such as

Men also at risk of sexual harassment

○ Cases usually not reported due to stigma of perceived weakness: NGO

under-reporting, societal perceptions and enforcement issues.

"Internal inhibitions, victim blaming and a lack of awareness contribute to the persistence of harassment, especially in the workplace. We actively collaborate with organisations to establish and reinforce policies addressing sexual harassment," she said.

Dhivyasri also emphasised the need for increased awareness, societal change and a more streamlined legal process to effectively address the challenges,

adding that the challenges of reporting online harassment, including issues of anonymity and evidence, pose additional hurdles.


She said effective implementation of robust reporting processes would ensure the safety of victims and their access to justice.

In the ongoing discourse on sexual harassment involving men, and efforts to safeguard women, Dhivyasri said NGOs that promote gender equality have made significant strides in providing victims with comprehensive support and education.

"Last year alone, we conducted over 40 talks and workshops that addressed various aspects of sexual harassment, including its different forms, understanding consent, and strategies for being an active bystander.

"We encourage individuals and communities to actively participate in our efforts, which contribute to the collective fight against gender-based violence. By addressing sexual harassment involving men comprehensively, we can create a society in which everyone feels safe, respected and free from gender-based violence."

Dhivyasri urged victims of sexual harassment to lodge a report through Awam's Telenita helpline at [016-237 4221](tel:016-2374221) to access counselling and legal information.



TAJUK : KEPRIHATINAN KUMPULAN AIMAN MALL TERHADAP KANAK-KANAK KURANG BERNASIB BAIK PATUT DICONTOHI
HARI : ISNIN AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH : 29 JAN 2024 M/SURAT : 04
TONE : POSITIF SEKTOR : KPWKM

Keperihatinan Kumpulan Aiman Mall terhadap kanak-kanak kurang bernasib baik patut dicontohi

KUCHING: Kumpulan Aiman Mall dipuji atas keperihatinan terhadap kanak-kanak kurang bernasib baik daripada Salvation Army Kota Samarahan.

Sempena perayaan Tahun Baharu Cina yang akan datang, Kumpulan Aiman memberi angpau kepada kanak-kanak daripada pertubuhan amal itu pada satu majlis makan malam.

Pengerusi Majlis Perbandaran Kota Samarahan (MPKS) Dato Peter Minos hadir pada majlis itu yang berlangsung di Aiman Mall, Samarahan, malam Jumaat lepas.

“Sekiranya kita semua bermurah hati dan memberi bantuan kepada mereka yang

memerlukan dan mereka yang tidak bernasib baik, dunia akan menjadi tempat yang lebih bahagia dan lebih menyenangkan untuk didiami,” kata Minos.

“Kumpulan Aiman menunjukkan budaya yang baik dan patut dicontohi oleh semua orang di Samarahan,” ujarnya.

Kata Minos lagi inisiatif amal seperti ini bukan sahaja digalakkan pada Tahun Baharu Cina tetapi juga perayaan lain seperti Hari Raya Aidilfitri dan Gawai.

Ini secara langsung katanya, dapat mengembirakan kanak-kanak yang kurang bernasib baik seperti di Salvation Army semasa perayaan.

Minos juga percaya usaha murni ini akan diingati oleh



IKHLAS: Minos mengagihkan angpau kepada kanak-kanak Salvation Army Kota Samarahan.

kanak-kanak kurang bernasib baik ini dan mereka mungkin akan berbuat sama pada masa akan datang.



TAJUK :	MURID SK SRI AMAN SERTA PROGRAM KEMPEN HENTIKAN BULI, GANGGUAN SEKSUAL		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	29 JAN 2024	M/SURAT :	07
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Murid SK Sri Aman sertai program Kempen Hentikan Buli, Gangguan Seksual

SRI AMAN: Seramai 100 murid Sekolah Kebangsaan (SK) Sri Aman menyertai program Kempen Hentikan Buli dan Gangguan Seksual di Dewan Inspirasi Lestari di sini, kelmarin.

Kempen itu adalah untuk memberi pendedahan kepada murid tentang perbuatan membuli dan gangguan seksual adalah satu jenayah.

Selain itu, murid turut diberi pendedahan cara mengelak daripada dibuli serta gangguan seksual serta mengambil langkah berjaga-jaga terlibat kedua-dua kes jenayah tersebut.

Dalam pada itu, Pegawai Pendidikan Kesihatan Unit Promosi Kesihatan, Pejabat Kesihatan Bahagian Sri Aman Zaifa Johari menyampaikan



CERAMAH: Zaifa menyampaikan ceramah Hentikan Buli dan Gangguan Seksual pada program itu kelmarin.

ceramah Kempen Hentikan Buli dan Gangguan Seksual.

Hadir sama Pegawai Psikologi Kaunseling Klinik

Kesihatan Sri Aman Nur Atikah Suhaili.